Pendakwa Raya lwn Mohd Asmadi bin Yusof

MAHKAMAH TINGGI (KUALA TERENGGANU) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45–02 TAHUN 2001
NIK HASHIM H
28 OGOS 2002

Undang-Undang Jenayah *— Kanun Keseksaan — s 302 — Membunuh — OKT memukul si mati di kepala dengan batu bata — Sama ada OKT mempunyai niat membunuh atau mencederakan sehingga menyebabkan kematian si mati — Kanun Keseksaan ss 300(a), (c), (d), 302*

Keterangan *— Beban bukti — Alibi — Sama ada pembelaan OKT bersifat alibi atau penafian semata-mata tanpa notis diberikan di bawah s 402A(1) Kanun Acara Jenayah — Sama ada pihak pendakwa berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah — Kanun Acara Jenayah s 402A(1)*

Tertuduh ('OKT'), telah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan melakukan kesalahan bunuh dengan menyebabkan kematian ke atas Aswadi bin Mohamad ('si mati'). Oleh yang demikian, OKT telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun tersebut').

Diputuskan:

(1) OKT mempunyai niat untuk menyebabkan kematian si mati seperti mana yang dinyatakan di dalam s 300(a) Kanun tersebut. Ini adalah berdasarkan kepada kecederaan teruk yang dialami oleh si mati di mana bahagian tubuh yang dicederakan, iaitu bahagian kepala ialah satu bahagian terpenting pada badan manusia. Keterangan juga menunjukkan OKT telah memukul bahagian kepala si mati dengan kuat di mana akibat pukulan tersebut, si mati terus jatuh tanpa sedarkan diri. Senjata yang digunakan ialah batu bata. Selain dari itu, tindakan ganas OKT memukul curi dan melihat kepada wujudnya persengketaan lampau antara si mati dengan OKT di mana si mati telah dengan sengaja mencederakan OKT maka jelas menunjukkan niat sebenar OKT bahawa dia memukul si mati di kepala dengan batu bata dengan niat untuk membunuhnya (lihat ms 161A–D).

(2) Pembelaan cuba mengemukakan keterangan alibi. Pembelaan akui bahawa tiada notis bertulis untuk menyokong pembelaan alibi di bawah s 402A(1) Kanun Acara Jenayah telah diberi kepada pihak pendakwa. Harus diingat, notis di bawah seksyen tersebut adalah mandatori sekiranya keterangan untuk menyokong pembelaan alibi hendak diberi (lihat ms 162I–163A); *Vasan Singh v Public Prosecutor* [1988] 3 MLJ 412 diikut. Namun begitu, dalam kes ini, tidak ada keterangan sokongan bagi pembelaan alibi OKT telah diberi. Jika ia ada sekalipun, keterangan sedemikian tidak dapat diterima tanpa notis diberi terlebih dahulu. Jadi, pembelaan OKT yang dia tidak memukul si

mati dengan batu bata yang menyebabkan kematian si mati kerana pada masa itu beliau berada di Mersing adalah keterangan berunsur penafian (lihat ms 163A–B).

(3) Mahkamah mendapati pihak pembelaan pada keseluruhannya telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah atas kebenaran kes pendakwaan. Mahkamah berpuashati bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya ke tahap melampaui keraguan yang munasabah terhadap OKT, iaitu semasa mencederakan si mati, OKT mempunyai niat untuk membunuhnya. Oleh yang demikian, mahkamah mendapati OKT bersalah dan disabitkan di bawah s 302 Kanun tersebut seperti pertuduhan (lihat ms 166B–C).

[English summary

The accused was brought to court on a charge of committing the offence of murder by causing the death of one Aswadi bin Mohamad ('the deceased'). Therefore, the accused had committed an offence punishable under s 302 of the Penal Code ('the Code').

Held:

(1) The accused intended to cause the death of the deceased as stated in s 300(a) of the Code. This was based on the serious injuries sustained by the deceased wherein the area of the body injured, ie the head, is one of the most important areas of the human body. Evidence also indicated the accused had struck the deceased's head violently, upon which as a result, the accused immediately fell without regaining consciousness. The weapons used were bricks. Apart from that, the violent nature of the accused's blatant assault and in view of the long standing feud between the deceased and the accused in which the deceased had deliberately injured the accused, clearly showed the accused's true intent that he hit the deceased in the head with bricks with the intention to kill him (see p 161A–D).

(2) The defence attempted to adduce evidence of alibi. The defence admitted that no written notice to support the defence of alibi under s 402A(1) of the Criminal Procedure Code had been given to the prosecution. It should be borne in mind that notice under the section is mandatory in the event evidence in support of the defence of alibi is required (see pp 162I–163A); *Vasan Singh v Public Prosecutor* [1988] 3 MLJ 412 followed. However, in this case, there was no supporting evidence on the accused's defence of alibi. Even if there had been, such evidence was inadmissible without a prior notice of defence. Therefore, the accused's defence that he did not strike the deceased with bricks which caused the deceased's demise, as he was in Mersing at the time, was evidence tinged with denial (see p 163A–B).

(3) The court found that on the whole, the defence had failed to cast any reasonable doubt on the truth of the prosecution's case. The court was satisfied that the prosecutor had succeeded in establishing its case beyond reasonable doubt against the accused, ie while wounding the deceased, the accused had intended to kill him. Hence, the court found the accused guilty and convicted him under s 302 of the Code as charged (see p 166B–C).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai Kanun Keseksaan s 302, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2000 Reissue) perenggan-perenggan 1190–1233.
Untuk kes-kes mengenai alibi, lihat 7 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 302–310.

Kes-kes yang dirujuk

Mohamed Alias v Public Prosecutor [1983] 2 MLJ 172 (dirujuk)
PP v Ling Tee Huah [1982] 2 MLJ 324 (dirujuk)
Vasan Singh v Public Prosecutor [1988] 3 MLJ 412 (diikut)
Wong Swee Chin v Public Prosecutor [1981] 1 MLJ 212 (dirujuk)

Undang-undang dirujuk

Akta Keterangan 1950 s 114(g)
Kanun Acara Jenayah s 180(1), 182A(1), 277, 402A(1),
Kanun Keseksaan s 300(a), (c), (d), 302, 304

Othman bin Abdullah (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwa raya.
Alias bin Abdullah (*Wrigglesworth & Co*) bagi pihak tertuduh.

Nik Hashim H: Tertuduh ('OKT'), 29 tahun, telah dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 2 September 2000 jam lebih kurang 8 malam, di Simpang 3, Pekan Merchang, di dalam daerah Marang, di dalam Negeri Terengganu telah melakukan kesalahan bunuh dengan menyebabkan kematian ke atas Aswadi bin Mohamad KP 721219–11–5225. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s 302 Kanun Keseksaan ('Kanun tersebut').

Kes pendakwaan

Pada 2 September 2000 jam lebih kurang 8 malam semasa Aidi Arman ('SP2') dan isterinya Normah ('SP3') sedang menjual CD di pasar malam di Pekan Merchang telah datang seorang pelanggan yang kemudiannya dikenali sebagai Aswadi bin Mohamad ('si mati') ke gerai mereka untuk membeli CD. Ketika itu, mereka mendengar 'kedebut' dan melihat si mati rebah di atas meja CD dan terus jatuh ke tanah di hadapan mereka. Mereka tidak dapat mengecam orang yang memukul si mati tetapi mereka dapat

memberi gambaran dengan jelas bahawa pemukul itu ialah seorang lelaki Melayu yang datang dari arah belakang si mati yang ketika itu sedang berdiri dan terus memukul si mati di kepala sebelah kanan dengan batu bata dengan kuat. Menurut mereka pemukul itu terus memukul si mati semasa si mati jatuh ke tanah dengan tangan dan kaki. SP2 dan SP3 melihat batu bata yang digunakan oleh pemukul pecah dan berkecai di atas meja CD dan bertabur di atas jalan di tepi gerainya dan mengatakan pemukul ialah seorang sahaja yang memukul si mati. Mereka lihat darah di atas meja CD dan di atas jalan. Lepas itu, pemukul itu terus lari dari situ.

Adik si mati, Aswanizam ('SP4'), ketika itu berumur 16 tahun, telah memberi keterangan bahawa semasa dia berada dengan si mati di gerai CD itu, dia berpaling ke arah orang ramai, hendak tengok orang. Tiba-tiba dia terdengar CD jatuh ke tanah dan melihat si mati tersandar berdarah di besi tiang payung gerai itu. SP4 kenal OKT sebelum kejadian lagi. OKT juga berasal dari Kampung Merchang. Dia menyaksikan OKT tendang muka dan dada abangnya. Lepas itu, OKT terus melarikan diri. Beliau tidak cuba membantu si mati abangnya kerana takut dan tidak berani membuat apa-apa.

Si mati telah dibawa ke Klinik Gong Balai dan seterusnya ke Hospital Kuala Terengganu untuk rawatan. Sementara itu, kejadian ini telah dilaporkan kepada polis oleh pembantu perubatan klinik itu, Nur Azaman ('SP7') melalui telefon dan maklumat itu telah dijadikan Laporan Polis Merchang No 237/2000 (P4) oleh L/Kpl Zulkifli ('SP1'). X-ray kepala si mati menunjukkan si mati telah mengalami retak pada tulang temporal sebelah kanan dan dia berada dalam koma, tidak sedarkan diri. Pada 3 September 2000 jam 3.20 pagi, satu pembedahan telah dilakukan oleh Dr Mohamad Jasni ('SP16') ke atas kepala si mati untuk merawat dan cuba menyelamatkan nyawa si mati. Menurut SP16, peluang si mati hidup adalah tipis kerana keadaan si mati adalah terlalu tenat, kritikal dan parah. Kecederaan di kepala si mati itu disebabkan oleh objek yang keras. Rawatan sewajarnya terus diberikan tetapi pada 6 September 2000, si mati telah meninggal dunia. Kematian si mati telah disahkan oleh bapanya, Mohamad bin Sulong ('SP8').

Menurut pakar pathologi, Dr Ab Karim ('SP5'), yang telah menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati, sebab kematian si mati ialah kecederaan kepala yang teruk — 'severe head injury'. Hasil bedah siasat luar ke atas si mati, SP5 mendapati luka yang telah berjahit ukuran 1.5sm di atas kening kanan, luka hiris pembedahan huruf 'u' terbalik (n) di bahagian temporo parietal kanan berukuran 20sm dan kesan rawatan pada lipat siku kanan dan kiri. Pemeriksaan dalaman menunjukkan 8sm diameter kepingan tulang telah ditanggalkan di sebelah kanan kepala. Di bawah selaput otak, tisu otak mengalami nekrosis, kematian tisu setempat. Nekrosis ini disebabkan kecederaan kepada otak akibat terkena benda tumpul dengan cukup kuat. SP5 berpendapat bahawa kecederaan kepada otak di kepala si mati tidak boleh diselamatkan. Beliau juga mengesahkan tidak ada penyakit lain yang mendorong kematian si mati. Kecederaan itu disebabkan oleh kekerasan yang cukup kuat. Batu bata P5 dan P9A yang ditunjukkan kepadanya boleh menyebabkan kecederaan di kepala si mati.

Kecederaan di kepala si mati menyebabkan otaknya bergegar dan dia boleh hilang imbangan dan jatuh. A

Siasatan telah dijalankan oleh polis untuk memburu OKT tetapi OKT tidak dapat dikesan. Akhirnya, pada 10 September 2000 jam 9.15 malam, OKT telah menyerah diri dengan datang sendiri ke Balai Polis Merchang di mana beliau ditangkap oleh Ketua Inspektor Wan Razali ('SP15'). B

Pihak pendakwaan juga mengemukakan keterangan melalui pegawai penyiasat Inspektor Azman ('SP14') bahawa si mati sebelum kejadian ini, dalam tahun 1998 vide Merchang Report No 287/98, telah disabitkan dan telah dihukum penjara selama lapan bulan mulai tarikh tangkap 12 November 1998 kerana menetak OKT dengan golok di peha kiri dan jari manis. Si mati telah mengaku salah di atas pertuduhan di bawah s 324 Kanun tersebut dan punca pergaduhan ialah berkaitan dengan dadah. C

Keterangan mengenai pengecaman OKT oleh SP4 juga telah diberi oleh SP14 dalam keterangan semasa pemeriksaan balas oleh peguambela bahawa SP4 dapat mengecam OKT dalam kawat cam. D

Hujah pihak pembela dan pendakwa di akhir kes pendakwaan

Di akhir kes pendakwaan, peguambela yang bijaksana bagi pihak OKT telah berhujah bahawa pihak pendakwa telah gagal membuktikan suatu kes prima facie terhadap OKT. Oleh itu, beliau memohon OKT dibebas dan dilepaskan atas dasar OKT bukan penyerang si mati kerana SP2 dan SP3 tidak dapat mengecam OKT sebagai orang yang menyerang si mati dan keterangan SP4 pula tidak boleh dipercayai kerana terdapat banyak percanggahan dalam testimoninya. E

Manakala pihak timbalan pendakwa raya yang bijaksana telah berhujah bahawa pengenalan OKT tidak meragukan kerana SP4 dapat mengenali OKT sebagai penyerang si mati. Walaupun terdapat percanggahan, keterangan SP4 boleh diterima hujahnya. Hanya terdapat seorang lelaki Melayu sahaja yang memukul si mati dalam kejadian itu dan orang itu ialah OKT. Tidak terdapat lompang dalam rantaian keterangan dalam kes ini kerana keterangan SP2, SP3 dan SP4 jelas merujuk kepada satu insiden sahaja yang berlaku dalam masa pantas yang memakan masa 45 saat. Jadi, timbalan pendakwa raya mengatakan pihaknya telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap OKT dan memohon OKT dipanggil untuk membela diri. F G

Keputusan kes di akhir kes pendakwaan H

Di akhir kes pendakwaan, mahkamah berkewajipan untuk menentukan sama ada pihak pendakwa telah berjaya mewujudkan suatu kes prima facie terhadap OKT seperti diperuntukkan di bawah s 180(1) Kanun Acara Jenayah ('KAJ tersebut'). Maksud kes prima facie dalam pemahaman saya adalah sama dengan mengatakan bahawa keterangan pendakwaan di akhir kesnya sudah mencukupi jika tidak dapat dipatahkan untuk membuat sabitan terhadap OKT. I

A Untuk membuktikan tuduhan terhadap OKT, pihak pendakwa hendaklah membuktikan unsur-unsur kesalahan seperti berikut:

(i) bahawa si mati Aswadi bin Mohamad telah mati;

(ii) bahawa kematian si mati adalah akibat dari kecederaan yang dialaminya;

B (iii) bahawa kematian si mati adalah disebabkan oleh OKT; dan

(iv) bahawa OKT, dengan perbuatannya, berniat untuk menyebabkan kematian si mati, iaitu OKT telah melakukan perbuatan itu dengan kesedaran seperti yang ditakrifkan di bawah s 300 Kanun tersebut.

Unsur (i) dan (ii) tidak dipertikaikan oleh pihak pembela. Keterangan bapa
C si mati ('SP8') dan pakar pathologi ('SP5') adalah mencukupi untuk membuktikan pada peringkat ini unsur-unsur kesalahan tersebut. SP8 mengesahkan bahawa anaknya, si mati, telah meninggal dunia pada 6 September 2000 manakala SP5 mengesahkan bahawa kematian si mati adalah akibat dari kecederaan kepala yang teruk yang dialami oleh si mati.

D Bagi unsur (iii) sama ada kematian si mati disebabkan oleh OKT, keterangan SP2, SP3 dan SP4 adalah relevan dan perlu dikaji. Penjual CD ('SP2') dan isterinya ('SP3') telah menceritakan dengan jelasnya bagaimana seorang lelaki Melayu datang dari belakang si mati dan memukul si mati di kepala sebelah kanan dengan batu bata.

SP2 dalam keterangan pemeriksaan utamanya berkata:

E

> ... Mangsa (si mati) dipukul dalam keadaan dia berdiri, dipukul dengan batu bata. Saya lihat mangsa dipukul semasa dia rebah di hadapan saya ketika saya sedang menjual di meja. Mula-mula mangsa dipukul di kepala. Saya tidak lihat lelaki itu buat lain selain dia memukul mangsa. Mangsa jatuh merangkak ke tanah. Orang yang memukul itu memukul mangsa lagi semasa mangsa jatuh dengan tangan dan kaki ...
>
> F
>
> Saya lihat pemukul pukul mangsa dengan batu bata dua tiga kali. Pemukul pukul di kepala mangsa ...

Manakala keterangan SP3 dalam pemeriksaan utamanya berbunyi:

> Mangsa datang ke gerai lebih kurang jam 8 malam. Dia datang seorang diri. Saya kenal mangsa itu. Dia tanya saya tentang CD China Shanghai Noon
> G
> Jackie Chan. Saya jawab tidak ada ...
>
> ... Tiba-tiba seorang lelaki pukul mangsa ...
>
> Pemukul datang dari tepi kanan mangsa. Pemukul memukul mangsa di kepala sebelah kanan. Pemukul pukul sekali sebelum mangsa jatuh. Pemukul guna batu bata untuk memukul kepala mangsa. Pemukul guna tangan
> H
> kanannya memukul mangsa. Saya lihat batu bata pecah bertabur atas jalan. Batu bata itu warna kuning bercampur merah, untuk buat rumah...
>
> Pemukul memukul lagi mangsa semasa jatuh atas jalan. Pemukul mengguna batu bata yang berkecai memukul mangsa. Pemukul pukul di kepala mangsa, banyak kali tapi tidak pasti berapa kali ...
>
> Mangsa berdarah di atas jalan, berkeadaan melentang. Dia tidak sedar
> I
> diri. Dia tidak melawan balik ... Kejadian ini berlaku lebih kurang 45 saat. Selepas kejadian pemukul lari ke arah dia datang...
>
> ... Pemukul seorang diri sahaja yang memukul mangsa...

Dalam pemeriksaan balas, SP2, tidak bersetuju dengan cadangan pihak peguambela bahawa pemukul tidak pukul kepala si mati dan tidak menggunakan batu bata semasa memukul si mati.

Manakala SP3 tidak dicabar dalam pemeriksaan balasnya bahawa insiden seperti yang dikatakannya itu tidak berlaku.

Adik si mati, Aswanizam (SP4), menurut keterangannya dalam pemeriksaan utama berkata:

> ... Di pasar malam saya berjumpa dengan Aswadi (si mati) abang saya. Dia ajak saya pergi ke gerai jual CD untuk membeli CD, CD cerita Jackie Chan. Saya bersama dia pergi ke gerai CD. Saya tidak tahu berapa banyak gerai CD di pasar malam. Saya tidak tahu gerai CD kepunyaan siapa.
>
> Seorang lelaki dan seorang perempuan menjual CD. Saya pernah ke gerai itu sebelum ini. Saya boleh cam penjual CD tersebut. SP2 dan SP3 dicam oleh saksi. Abang saya tanya cerita lain, 'Hollow Men'. Abang saya tanya saya sedap tak? Saya jawab boleh tahan. Lepas itu saya berpaling ke arah orang ramai, hendak tengok orang. Tiba-tiba saya terdengar CD jatuh ke atas jalan tar. Saya berpaling, saya melihat abang saya tersandar di besi tiang payung. Ada orang menyepak dia. Saya kenal orang yang menyepak abang saya. Dia ialah Asmadi — OKT dicamkan oleh saksi. OKT tendang abang saya dua kali. Dia tendang di muka dan dada abang saya. Abang saya diam sahaja, masih tersandar. Saya tidak cuba membantu abang saya kerana takut. Saya tidak berani membuat apa-apa...

SP4 telah disoal balas dengan panjang lebar oleh peguambela OKT. SP4 tidak bersetuju dia tidak berada di tempat kejadian semasa kejadian dan dia tidak bersetuju bahawa dia tidak pergi bersama dengan abangnya (si mati) ke gerai CD. Namun demikian, dia tidak tahu apa yang telah berlaku kepada abangnya sebelum abang dia jatuh tersandar.

Memang benar terdapat percanggahan dan perkara yang tidak menyenangkan dalam testimoni SP4, seperti yang dibangkitkan oleh peguambela. Misalnya:

(i) Kegagalan SP4 mendengar bunyi 'gedebuk' semasa kejadian. Harus diingat, dalam kes ini SP4 tidak pernah disoal oleh pihak pendakwa atau peguambela sama ada dia ada mendengar 'kedebut' atau tidak. Jadi, ketinggalan atau kegagalan saksi menyebut bunyi 'gedebuk' dalam keterangannya tidak bererti keterangannya bercanggah dengan keterangan lain, dan oleh itu, tidak bererti SP4 tidak boleh dipercayai.

(ii) Keganjilan keterangan SP4 yang mengatakan dia tidak memberi pertolongan kepada abangnya si mati semasa kejadian berlaku, dan dia berjalan-jalan di pasar malam selepas kejadian. Dalam hal ini, umur SP4 ketika itu hanya 16 tahun sahaja. Sebagai seorang budak remaja, tindakan SP4 boleh diterima memandangkan bahawa telah ada orang dewasa yang datang memberi pertolongan pada abangnya. Lagipun, dia takut dan tidak berani membuat apa-apa. Jadi dalam hal ini, tidak ada keganjilan dalam pelakuan SP4.

(iii) Kegagalan SP4 menyebut tajuk CD seperti yang diberitahu oleh SP3 dan ketiadaan keterangan SP2 dan SP3 bahawa si mati ada bercakap dengan SP4 bukanlah faktor yang boleh menolak keterangan SP4,

walaupun SP4 boleh disifatkan mempunyai sikap yang dipanggil oleh pendakwa sebagai sambil lewa atau acuh tak acuh.

(iv) Kegagalan pihak pendakwa memanggil 'Pak Man' yang disebutkan oleh SP4 sebagai saksi tidak menjejaskan kes pendakwaan. Pak Man adalah bukan seorang saksi yang material dan kritikal yang perlu dipanggil untuk menceritakan kes pendakwaan sepenuhnya. Kes pendakwaan tidak bergantung kepada keterangan Pak Man untuk membuktikan kesnya. Peranan Pak Man dalam kes ini adalah sedikit sahaja sekadar menolong si mati selepas kejadian. Sekiranya adegan pertolongan itu penting, maka testimoni Azmi bin Abas ('SP9') yang menolong angkat si mati di tempat kejadian sudah memadai.

(v) Perbezaan jarak rumah SP4 dengan tempat kejadian di antara keterangan SP4 dengan Sarjan Mejar Ismail ('SP11') bukanlah percanggahan material yang boleh menjejaskan kes pendakwaan. SP4 berdasarkan perkiraan jarak dengan kaedah berjalan kaki sejauh 100m yang memakan masa tiga minit, manakala SP11 berdasarkan perkiraan jarak satu km dengan menaiki motorsikal yang memakan masa 20 minit. Kedudukan sebenar rumah SP4 tidak diketahui. Begitu juga laluan sebenar yang dilalui oleh SP4 dan SP11. Maka, atas sebab perbezaan ini, tidaklah boleh kesemua keterangan SP4 diketepikan.

(vi) Perbezaan keterangan SP4 dan SP11 di mana SP4 menafikan beliau pernah memberitahu pihak polis mengenai identiti OKT juga tidak menjejaskan kes pendakwaan. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, faktor usia dan sikap sambil lewa SP4 perlu diambil kira. Dalam konteks ini, keterangan SP11 hendaklah diterima kerana tindakan SP11 pada malam kejadian adalah konsisten dengan kejadian pertemuan SP11 dengan SP4. Menurut SP11 tindakan mengesan OKT telah dilakukan setelah mendapat maklumat dari SP4. Persoalan di sini ialah jika bukan SP4 yang memberi maklumat OKT, bagaimanakah SP11 boleh mengambil tindakan mengesan dan mencari OKT beberapa jam selepas kejadian?

Harus diingat, walaupun terdapat kepincangan dalam keterangan SP4, ini tidaklah bermakna segala keterangannya tidak boleh dipercayai. Terpulanglah kepada mahkamah selepas melihat SP4 memberi keterangan dan menimbangkan kepincangan itu untuk menerima mana-mana keterangannya yang lain mahkamah fikirkan benar (*Mohamed Alias v Public Prosecutor* [1983] 2 MLJ 172). Lagipun, SP4 tidak dicabar kebolehpercayaannya semasa SP4 memberi keterangan.

Mengenai komplen pembelaan bahawa pendakwaan telah gagal memanggil Wan Ngah atau Wan Muda sebagai saksi pendakwa dan kegagalan itu memudaratkan kes pendakwaan, saya dapati komplen itu tidak bermerit kerana Wan Ngah bukan saksi pendakwaan. Nama Wan Ngah hanya timbul semasa SP4 disoal balas. SP4 tidak bersetuju dengan cadangan peguambela bahawa Wan Ngah telah berjumpa dengan SP4 selepas kejadian di tempat kejadian. Jadi anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai atas kegagalan itu.

Selepas melihat dan mendengar SP2, SP3 dan SP4 memberi keterangan dan meneliti keterangan mereka dengan keterangan pendakwa yang lain, saya terima keterangan mereka dan keterangan mereka adalah mencukupi pada peringkat ini bahawa kematian si mati telah disebabkan oleh perbuatan OKT. OKTlah orang yang dikenali oleh SP4 sebagai orang yang memukul si mati. Walaupun SP4 tidak melihat si mati telah dipukul dari awal, tetapi keterangan SP2 dan SP3 jelas menunjukkan bahawa hanya seorang lelaki Melayu sahaja yang memukul si mati dari mula dia dipukul di kepala dengan batu bata semasa berdiri sehinggalah dia jatuh di hadapan mereka, dan penyerang itu terus memukul si mati semasa si mati jatuh dan ketika itu, SP4 ada melihat OKT menyepak dan menendang si mati. Kejadian itu berlaku dalam masa 45 saat dan serangan ke atas si mati dari mula dia dipukul di kepala semasa berdiri sehingga dia diserang lagi semasa jatuh, merupakan satu kejadian yang berlaku dalam satu transaksi yang pantas dan berterusan. OKT juga dapat dicamkan oleh SP4 dalam kawat cam. Tambahan pula, SP4 sudah mengenali OKT sebelum kejadian. OKT juga berasal dari Merchang. Keterangan SP2, SP3 dan SP4 menyokong antara satu sama lain mengenai serangan OKT ke atas si mati. Oleh itu, jelas tidak ada orang lain yang terlibat dalam serangan ke atas si mati melainkan OKT seorang sahaja pada malam itu. OKTlah orang yang telah mencederakan si mati dan kecederaan yang dialaminya menyebabkan kematian si mati.

Bagi unsur ke (iv), s 300 Kanun tersebut, tertakluk kepada lima pengecualian di bawah seksyen tersebut, menetapkan bahawa homisid salah menjadi suatu kesalahan membunuh jika perbuatan yang menyebabkan kematian itu dilakukan dengan niat atau pengetahuan seperti berikut:

(a) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kematian;

(b) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan sesuatu kecederaan badan yang diketahui pesalah sebagai mungkin akan menyebabkan kematian orang yang dicederakan itu;

(c) jika perbuatan itu dilakukan dengan niat hendak menyebabkan kecederaan badan kepada seseorang, dan kecederaan badan yang dimaksudkan itu adalah, pada lazimnya, cukup bagi menyebabkan kematian; atau

(d) jika perbuatan itu dilakukan dengan pengetahuan bahawa perbuatan itu adalah amat berbahaya hingga mungkin boleh menyebabkan kematian atau menyebabkan kecederaan badan yang mungkin membawa kepada kematian, dan orang berkenaan melakukan perbuatan itu tanpa apa-apa sebab bagi menanggung risiko yang menyebabkan kematian atau kecederaan badan seperti yang disebutkan.

Untuk membuat keputusan tentang niat OKT, mahkamah hendaklah membuat kesimpulan atau inferens daripada perbuatan, tingkahlaku OKT dan daripada semua fakta dan keadaan sekeliling kes itu, kerana niat bukanlah sesuatu yang boleh dilihat dengan pancaindera manusia.

A Dalam hubungan ini, saya dengan hormat bersetuju dengan hujah timbalan pendakwa raya bahawa OKT mempunyai niat untuk menyebabkan kematian si mati seperti mana yang dinyatakan di dalam s 300(a) Kanun tersebut. Ini adalah berdasarkan kepada kecederaan teruk yang dialami oleh si mati di mana bahagian tubuh yang dicederakan, iaitu bahagian kepala ialah satu bahagian terpenting pada badan manusia. B Keterangan juga menunjukkan OKT telah memukul bahagian kepala si mati dengan kuat di mana akibat pukulan tersebut, si mati terus jatuh tanpa sedarkan diri. Senjata yang digunakan ialah batu bata dan, seperti mana diketahui umum, batu bata ialah suatu objek yang keras. Menurut SP5, batu bata seperti P5 dan P9A boleh menyebabkan kecederaan dan kematian sepertimana yang telah dialami oleh si mati. Walaupun P9A dan C P9B tidak terdapat kesan darah, fakta bahawa batu bata telah digunakan untuk memukul si mati di kepala tidak boleh disangkal sama sekali. Kehadiran P9A dan P9B di tempat kejadian menyokong keterangan testimoni SP2 dan SP3 bahawa sipemukul telah menggunakan batu bata dan batu bata tersebut telah pecah berderai di tempat kejadian. Selain dari D itu, tindakan ganas OKT memukul curi dan melihat kepada wujudnya persengketaan lampau antara si mati dengan OKT di mana si mati telah dengan sengaja mencederakan OKT, maka jelas menunjukkan niat sebenar OKT bahawa dia memukul si mati di kepala dengan batu bata dengan niat untuk membunuhnya.

E Selain dari s 300(a) Kanun tersebut, pihak pendakwa juga telah berjaya membawa kesnya di bawah s 300(c) dan (d) Kanun tersebut. OKT yang memukul si mati di bahagian badan yang terpenting, iaitu, kepala dengan batu bata yang keras dengan kuat, mesti tahu bahawa perbuatannya itu adalah amat berbahaya yang menyebabkan kecederaan yang membawa maut kepada si mati dan OKT telah memukul si mati tanpa apa-apa dalih F bagi menanggung risiko yang menyebabkan kematian si mati. OKT juga telah menyebabkan kecederaan ke atas si mati, dan kecederaan yang teruk dan tidak boleh diselamatkan itu, adalah lebih daripada mencukupi bagi menyebabkan kematian si mati.

Keterangan yang ada pada peringkat ini adalah sudah memadai dan saya berpuashati bahawa pihak pendakwa telah berjaya mewujudkan suatu G kes prima facie terhadap OKT bahawa OKT telah melakukan kesalahan membunuh ke atas si mati seperti ditakrifkan di bawah s 300(a), (c) dan (d) Kanun tersebut. Oleh itu, OKT telah dipanggil untuk membela diri. OKT telah memilih memberi keterangan secara bersumpah.

H *Kes pembelaan*

Selain OKT, bapa saudara OKT, Wan Ngah ('SD2'), 55 tahun dan bekas seorang anggota polis, juga telah memberi keterangan secara bersumpah bagi pihak pembelaan.

Dalam keterangan membela diri, OKT ('SD1') menafikan bahawa I beliau berada di tempat kejadian pada malam kejadian. Menurut OKT, pada malam kejadian beliau berada di laut menangkap ikan di Mersing Johor. Antara bulan Januari hingga 10 September 2000, beliau telah tinggal

di Kg Sri Lalang, Mersing bekerja sebagai nelayan. OKT menafikan dia lelaki Melayu yang memukul kepala si mati dengan batu bata sehingga menyebabkan kematian si mati. Beliau mengaku bahawa si mati ada menetaknya dengan golok akibat perbalahan mulut mengenai dadah sebelum kejadian ini. Dia juga mengaku bahawa dia telah menyerah diri kepada polis pada 10 September, selepas keluarganya menjemputnya di Mersing. Beliau juga akui bahawa dia tidak beritahu sesiapa termasuk peguambelanya bahawa dia berada di laut pada hari kejadian 2 September 2000. Dia memberi pembelaan sedemikian hanya semasa memberi keterangan di dalam mahkamah.

Untuk mencabar keterangan SP4, SD2 mengatakan dalam keterangannya bahawa antara jam 7.45 malam hingga 8 malam pada 2 September 2000, ketika berada berbual-bual di balai nelayan, beliau nampak SP4 berjalan kaki menuju ke tapak pasar malam. SD2 tidak pakai jam pada malam itu. Tiga empat minit kemudian, SD2 pun turun dari balai itu dan menuju ke pasar malam. SD2 masuk ke dalam kedai jual baju lelong dan nampak SP4 berada di situ. SD2 tegur SP4. SP4 menjawab, 'tengok-tengok sahaja'. Tiga–empat minit kemudian SD2 pun beredar dari situ menuju ke arah simpang tiga. Ketika itu, SD2 tengok orang ramai dan dengar riuh dekat simpang tiga. Setelah sampai di tempat orang berkumpul di tempat orang jual CD, SD2 lihat Azmi bin Abas ('SP9') sedang angkat dan bawa si mati ke arah pantai. SD2 mengatakan dia tidak berjumpa dengan Pak Man atau SP4 di tempat kejadian. Beliau juga tidak bertemu dengan OKT pada malam kejadian. SD2 dalam pemeriksaan balas mengaku bahawa dia tidak beritahu peguambela mengenai keterangannya yang dia telah berjumpa dengan SP4 dalam kedai baju lelong di pasar malam.

Peguambela dalam hujahnya mengatakan keterangan SD2 telah menjuruskan kepada hanya satu kesimpulan bahawa sehingga akhir perbicaraan, pihak pendakwa gagal membuktikan ke tahap melampaui keraguan yang munasabah bahawa OKTlah orang yang telah memukul si mati, kerana keterangan SD2 dapat menolak kebenaran dakwaan SP4 bahawa beliau berada di tempat kejadian dan telah melihat OKTlah orang yang memukul si mati pada hari kejadian itu. Penggantungan kepada keterangan SP4 tanpa keterangan sokongan adalah tidak selamat untuk mensabitkan OKT, hujah peguambela.

Keputusan kes di akhir kes pembelaan

Seksyen 182A(1) KAJ tersebut menetapkan bahawa pada akhir perbicaraan kes, mahkamah hendaklah menimbangkan semua keterangan yang telah dikemukakan dan memutuskan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kesnya sehingga ke peringkat yang melepasi keraguan yang munasabah. Keraguan di sini bukanlah sebarang keraguan tetapi ia mestilah suatu keraguan yang munasabah.

Pembelaan cuba mengemukakan keterangan alibi dengan mengatakan OKT tidak berada di tempat kejadian semasa kejadian dan sebaliknya mendakwa dia berada di tengah laut Mersing, Johor menangkap ikan.

Peguambela akui bahawa tiada notis bertulis untuk menyokong pembelaan alibi di bawah s 402A(1) KAJ tersebut telah diberi kepada pihak pendakwaan. Harus diingat, notis di bawah seksyen tersebut adalah mandatori sekiranya keterangan untuk menyokong pembelaan alibi hendak diberi (*Vasan Singh v Public Prosecutor* [1988] 3 MLJ 412). Namun begitu, dalam kes ini, tidak ada keterangan sokongan bagi pembelaan alibi OKT telah diberi. Jika ia ada sekalipun, keterangan sedemikian tidak dapat diterima tanpa notis diberi terlebih dahulu. Jadi, pembelaan OKT yang dia tidak memukul si mati dengan batu bata yang menyebabkan kematian si mati kerana pada masa itu beliau berada di Mersing, adalah keterangan berunsur penafian. Namun demikian, mahkamah masih menimbang pembelaannya atas meritnya. Selepas menimbang pembelaannya, saya dapati keterangannya tidak munasabah. Dia tidak tahu nama penuh dan alamat majikannya, Pak Da, walaupun dia telah bekerja dengannya semenjak tahun 1999 lagi. Dia juga tidak tahu alamat rumah sewanya sendiri sewaktu di Mersing. Adalah tidak munasabah bagi OKT tidak mahu balik sendiri ke Merchang semata-mata dia tidak ada duit. Duit boleh dipinjam daripada kawan-kawannya, Mamat, Man dan Nuar jika dia mahu balik. Pada keseluruhannya, keterangan OKT tidak logik dan tidak munasabah dengan apa yang sebenarnya berlaku. Cerita OKT bahawa dia telah berada di tengah laut di Mersing menangkap ikan pada tarikh dan masa material adalah rekaan dan penafian semata-mata.

Adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa pembelaan yang berunsur penafian semata-mata tanpa keterangan lain untuk mencabar keterangan pendakwaan adalah tidak mencukupi untuk menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan (lihat *Public Prosecutor v Ling Tee Huah* [1982] 2 MLJ 324). Saya sedar bahawa pembelaan tidak perlu meyakinkan atas kebenaran pembelaannya. Beban ke atas pembelaan adalah ringan, sekadar menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan. Dalam kes ini, malangnya, OKT gagal menimbulkannya.

Pihak pembelaan cuba meragukan kes pendakwaan dengan mengemukakan keterangan melalui SD2 yang mengatakan SP4 tidak berada di tempat kejadian semasa kejadian kerana sebelum kejadian itu berlaku, SD2 mendakwa dia telah berjumpa dengan SP4 di dalam kedai baju lelong di pasar malam.

Dalam penghakiman saya, saya dapati dakwaan SD2 bahawa dia telah berjumpa dan bercakap dengan SP4 di kedai baju lelong adalah suatu dakwaan yang genting dalam kes ini. Sekiranya betul pertemuan itu berlaku, mengapa semasa SP4 memberi keterangan, SP4 tidak dicadangkan dengan dakwaan itu kepada SP4 sebaik sahaja SP4 memberi jawapan bahawa dia tidak perasan berjumpa Wan Ngah pada jam 8 malam itu. Kegagalan menyoal balas SP4 atas dakwaan genting itu, iaitu, SD2 telah berjumpa dan bercakap dengan SP4 di kedai baju lelong, adalah serupa dengan penerimaan keterangan SP4 yang dia tidak perasan berjumpa dengan SD2 pada malam itu (lihat *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212). Dakwaan SD2 tidak boleh diterima kerana ia berunsur 'surprise' di mana SP4 tidak diberi peluang untuk mengakui atau menafikannya. Adalah tidak munasabah bagi SD2 yang tidak langsung

menyapa SP4 semasa SP4 melintas balai nelayan tiba-tiba menyapa SP4 dalam kedai baju lelong. Cerita itu merupakan satu khayalan yang direka oleh SD2 sendiri tanpa asas. A

Soal laluan SP4 ke pasar malam melalui balai nelayan yang diceritakan oleh SD2, saya mendapati keterangan itu tidak meragukan kes pendakwaan, malah ia dapat menguatkan dan menyokong keterangan SP4 yang mengatakan dalam keterangannya bahawa dia seorang diri telah pergi ke pasar malam, dan pemergian beliau itu berlaku sebelum berlakunya insiden ke atas abangnya si mati. Walau apapun, menurut SD2, terdapat juga jalan laluan lain iaitu jalan pasir yang digunakan oleh orang-orang kampung ke pasar malam. Adalah diingatkan bahawa kawasan persekitaran ialah kawasan kampung. Jadi, SD2 tidak boleh menegaskan SP4 mesti menggunakan laluan di hadapan balai nelayan sahaja untuk ke pasar malam. B C

Adalah tidak munasabah dan diterima akal bagi SD2 yang mendakwa dia tidak kenal orang-orang yang berkerumun di tempat kejadian tiba-tiba boleh kata 'Pak Man' tidak ada di situ. Adalah juga tidak munasabah bagi SD2 dapat memberi sepenuh perhatian kepada pergerakan SP4 dari mula hingga akhir termasuk dakwaannya bahawa SP4 tidak memintasnya di pasar malam sedangkan di pasar malam ada orang ramai pada malam itu dan SD2 tidak ditugaskan untuk membuat perhatian ke atas keluarga SP4 dan mengekori setiap pergerakan SP4. D

Sekiranya SD2 ada pergi ke gerai CD sekalipun pada malam itu, dia pergi lewat selepas kejadian berlaku. E

Selepas menimbang dengan teliti dan menghalusi semua keterangan pendakwaan dan pembelaan termasuk ekshibit-ekshibit yang telah dikemukakan dan melihat kepada kelakuan saksi-saksi dan mendengar saksi-saksi memberi keterangan serta mengkaji segala hujah-hujah kedua belah pihak, saya mendapati pihak pendakwa telah membuktikan tanpa keraguan yang munasabah bahawa: F

(i) si mati Aswadi bin Mohamad telah mati pada 6 September 2000. Saya menerima keterangan SP8 sebagai benar yang mengesahkan kematian anaknya. G

(ii) kematian si mati adalah akibat dari kecederaan yang dialaminya. Dalam hal ini, saya menerima keterangan SP5 sebagai benar yang mengesahkan bahawa kecederaan yang teruk di kepala si mati menyebabkan kematiannya.

(iii) (a) kematian si mati adalah disebabkan oleh OKT. Saya menerima keterangan SP2, SP3 dan SP4 sebagai benar bahawa mereka melihat bagaimana si mati dipukul. Walaupun SP2 dan SP3 tidak dapat mengenali OKT, tetapi SP4 telah melihat OKT yang menyepak dan menendang si mati semasa si mati jatuh. Hanya OKT seorang sahaja yang memukul si mati dari mula si mati dipukul di kepala dengan batu bata semasa berdiri sehinggalah dia jatuh dan OKT terus memukul, menyepak dan menendang si mati. Kejadian itu berlaku dalam satu transaksi yang pantas H I

dan berterusan. Identiti OKT tidak diragukan. SP4 bukan sahaja dapat mengenalinya bahkan juga dapat mengecamnya dalam kawat cam. Walaupun senjata batu bata bukan suatu senjata tajam dan tidak dapat dikenali yang mana satu batu bata yang telah digunakan untuk memukul kepala si mati tetapi fakta yang si mati telah dipukul di kepala dengan batu bata tidak dinafikan. Objek yang telah digunakan ialah batu bata, suatu objek yang keras.

(b) Saya sedar akan bahaya menerima keterangan SP4, kerana dia merupakan adik kepada si mati dan juga terdapat percanggahan dalam keterangannya. SP4 ketika itu hanya berumur 16 tahun dan di dalam mahkamah, saya perhatikan tingkah lakunya dan saya mendapati dia tidak begitu cergas dan tidak fasih bertutur. Mungkin itulah sebabnya pihak pendakwa mengakui saksi ini bersikap sambil lewa dan acuh tak acuh. Dia jawab apa yang ditanya. Walaupun terdapat tali persaudaraan antara SP4 dengan si mati dan percanggahan dalam testimoninya, ini tidak bermakna saya mesti menolak kesemua keterangannya. Saya mendapati tali persaudaraan dan percanggahan yang tidak material itu dalam testimoninya tidak menjejaskan kebolehpercayaan saksi ini. Penolakan kesemua keterangan SP4 atas dasar tersebut akan menyebabkan ketidakadilan dalam kes ini.

(c) Selepas meneliti keterangan SP4 dan diuji dengan keterangan pendakwaan yang lain dan juga keterangan pembelaan terutama keterangan SD2, saya masih percaya dengan keterangan SP4 yang dia telah berada di tempat kejadian dan telah melihat OKT menendang dan menyepak si mati semasa dia jatuh di tempat kejadian. Keterangan SP4 disokong oleh SP2 dan SP3 yang menyaksikan si mati dipukul di kepala sehingga jatuh dan orang yang sama terus memukul si mati semasa dia jatuh. Orang yang memukul kepala si mati semasa si mati berdiri dan semasa si mati jatuh ialah orang yang sama. Adalah penemuan fakta saya bahawa orang itu ialah OKT.

(iv) Seperti saya nyatakan pada peringkat awal kes ini bahawa OKT telah mencederakan si mati dengan niat untuk membunuhnya seperti ditakrifkan di bawah s 300(a) Kanun tersebut. Perbuatan OKT mencederakan si mati dengan kecederaan yang begitu teruk yang menyebabkan kematian si mati boleh juga ditafsirkan membunuh di bawah s 300(c) dan (d) Kanun tersebut. Dengan mencederakan si mati di kepala, OKT mesti tahu bahawa perbuatannya adalah amat berbahaya yang mungkin boleh menyebabkan kematian si mati. Satu pukulan, tetapi kuat, dengan objek yang keras di kepala sudah cukup untuk menyebabkan kematian si mati. Kecederaan yang amat teruk di kepala si mati tidak boleh diselamatkan lagi dan kecederaan itu adalah lebih daripada mencukupi untuk menyebabkan kematian si mati yang malang itu. Dengan pukulan curi serta adanya persengketaan lampau antara mereka, sudah tentu OKT menaruh

dendam untuk membunuh si mati. Menurut keterangan, kes ini adalah jelas, ia tidak tergolong di bawah kesalahan di bawah s 304 Kanun tersebut.

OKT telah didapati menghilangkan diri sejurus selepas kejadian. Dalam hal ini, saya menerima keterangan SP11 sebagai benar bahawa dia dan anggota polis lain tidak dapat mengesan OKT selepas kejadian berlaku. Akhirnya OKT telah menyerah diri. Kelakuan OKT melarikan diri dan seterusnya menyerah diri adalah suatu kelakuan yang menunjukkan kebersalahannya.

Akhir kata, dalam penghakiman saya, saya mendapati pihak pembelaan melalui keterangan OKT ('SD1') dan SD2 pada keseluruhannya, telah gagal menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah atas kebenaran kes pendakwaan. Saya berpuashati bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kesnya ke tahap melampaui keraguan yang munasabah terhadap OKT, iaitu semasa mencederakan si mati, OKT mempunyai niat untuk membunuhnya. Oleh yang demikian, saya mendapati OKT bersalah dan saya sabitkannya di bawah s 302 Kanun tersebut seperti pertuduhan.

Hukuman

OKT telah membuat rayuan untuk meringankan hukuman. Akan tetapi kesalahan membunuh membawa satu hukuman sahaja di bawah s 302 Kanun tersebut, iaitu, hukuman mati jika sabit kesalahan. Oleh kerana OKT telah didapati bersalah dan disabitkan maka menurut peruntukan s 277 KAJ tersebut, saya menghukumkan Mohd Asmadi bin Yusof digantung di leher sampai mati.

Tertuduh dijatuhkan hukuman gantung.

Dilaporkan oleh Peter Ling